

UMS menang Anugerah Kesan Visual Terbaik

NST 12.6.2014 12



PELAJAR Tahun Akhir Program Teknologi Seni Visual, Fakulti Ke-manusiaan, Seni dan Warisan (FK-SW), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah memenangi anugerah Kesan Visual Terbaik pada Mini Filem Festival ke-10 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) baru-baru ini.

Dengan menggunakan lebih 70 peratus kesan khas visual, filem bertajuk 'The Bloody Night' yang dihasilkan Ku Mohamad Khairul Zaidi Ku Din berjaya mengetepikan beberapa Institusi Pengajian Tinggi Tempatan (IPT) seperti Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kota Samarahan, Universiti Teknologi Swinburne, Curtin University, Kolej Antarabangsa Teknologi Lanjutan Sarawak (ICATS), SEGi College untuk muncul juara Festival.

Ketika ditemui beliau berkata, kemenangan dalam pertandingan itu merupakan hasil kerja kerasnya menghasilkan sesuatu yang berbeza dengan menggunakan ilmu filem yang dipelajari melalui kursus-kursus yang ditawarkan Program Teknologi Seni Visual, FKSU.

Katanya, sokongan dan bimbingan para pensyarah dan



rakan-rakan kuliah turut mempengaruhi usaha beliau untuk menghasilkan filem yang menggunakan kesan visual sebagai latar filem.

"Dalam pembelajaran, kami sering dicabar oleh pensyarah untuk menggunakan teknologi dan teknik berkaitan kesan visual dalam menghasilkan sesebuah karya. Ini penting bagi membolehkan kami bersaing dan menceburi dunia perfileman sebenar yang kini banyak menggunakan teknologi baru tersebut," katanya.

Sementara itu, penasihat projek, Adley Bromeo Bianus memberitahu bahawa FKSU melalui Program Teknologi Seni Visual dan Program Seni Kreatif akan terus menghantar karya-karya filem terbaik untuk menyertai pertandingan filem yang diadakan di luar UMS.

Malah katanya, langkah untuk mengembangkan bakat pelajar dalam bidang perfileman melalui hasil karya bermutu telah dimulakan oleh pihak UMS sendiri melalui pertandingan filem yang dikenali sebagai Anugerah Skrin Digital pada tahun lalu.

"Bagi memastikan UMS mampu bersaing dengan IPT lain dalam bidang perfileman, kami telah mencari kelainan dengan memfokuskan penggunaan kesan khas digital dalam filem yang dihasilkan. Selain itu, kami juga menggalakkan pelajar untuk menjadikan cerita bersumberkan sejarah dan latar negeri Sabah sebagai bahan karya," kata Adley.

Beliau turut menyuarakan harapan agar kemenangan Ku Mohammad akan mendorong para pelajar lain untuk terus menghasilkan filem-filem yang terbaik dan mampu berdaya saing.

TAHNAH ... Ku Mohamad Khairul Zaidi Ku Din menerima anugerahnya di Mini Filem Festival ke 10 anjuran Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS).